

Keruntuhan Moral Wanita Islam

Dengan bangganya “Ruangan Wanita” pada kali ini berpeluang menyiarkan sebuah makalah yang bernilai buah pena dari salah seorang “tokoh wanita Islam” di ibu kota iaitu Ustazah Saidah Suhaimi. Ustazah Saidah adalah seorang siswazah yang telah berjaya mendapat *degree* (B.A) dari Kuliyyah Dar al-‘Ulūm Cairo Universiti Mesir pada tahun 1962 dalam jurusan *Shari‘ah Islāmiyyah* dan Kesusasteraan Arab.

Dalam tulisannya yang berharga ini beliau akan mengupas soal keruntuhan moral wanita-wanita Islam di zaman moden yang serba maju ini dengan menerangkan satu persatu sebab-sebab terjadinya perkara yang tidak diingini itu.

Ikutilah kupasan beliau yang tepat dan logik ini. — Pengarang.

(Oleh: Ustazah Saidah Suhaimi)

Alam Wanita

Pendidikan Rohani Penting:

Pendidikan rohani yang dipupuk kepada anak-anak di dalam sebuah masyarakat kecil adalah lebih utama daripada tunjuk ajar yang diberikan di dalam masyarakat besar yang lebih luas. Masyarakat kecil yang saya maksudkan di sini ialah masyarakat ‘rumah tangga’ tempat anak-anak itu tumbuh dan dibesarkan hingga meningkat ke umur remaja untuk melangkah ke alam dewasa menjadi seorang manusia yang sihat tubuh dan akal fikiran serta keperibadian yang tinggi mulia, rumah tangga yang dikelilingi oleh suasana aman damai, penghuninya terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai kecerdasan akan fikiran, memiliki keperibadian yang tinggi serta mengetahui sedikit sebanyak tatasusila hidup bermasyarakat, sehingga segala sifat-sifat kesempurnaan itu dapat meresap menyirami jiwa anak-anak yang masih mentah, suci daripada segala pengaruh luar masyarakat ia dilahirkan; juga dapat memimpin gerak-gerinya mengikut pertunjuk rohani yang tinggi mulia.

Semasa umurnya telah meningkat dewasa kelak, dengan semangat keberanian

yang luhur ia sanggup menceburkan dirinya ke dalam masyarakat besar yang lebih luas, masyarakat yang dipenuhi dengan corak ragam hidup yang beraneka warna.

Ibu Pendidik Utama:

Sebagai seorang Muslim setiap ibu bapa adalah berkewajipan mendidik dan menanamkan ke dalam jiwa anak-anak mereka roh atau semangat keislaman yang tulen sejati, supaya lahirlah ia sebagai seorang anggota masyarakat yang mempunyai keperibadian yang tinggi mulia di kalangan masyarakat bangsanya, di kala umurnya telah meningkat remaja memasuki zaman dewasa.

Semangat keislaman ini punca tumbuhnya mestilah dari masyarakat kecil atau masyarakat “rumah tangga” tempat anak itu dididik. Ibu bapa sebagai sifatnya ketua penghuni rumah itulah yang mempunyai tanggungjawab besar bagi mendidik anak-anaknya.

Pendidikan utama dalam sebuah rumah tangga itu adalah terletak di tangan

kaum ibu, lantaran kaum bapa ada mempunyai tugas-tugas yang tertentu di luar rumah, tambahan pula jiwa anak-anak adalah lebih hampir dan lebih mirip kepada ibunya, ibulah tempat anak-anak itu menumpahkan segenap rasa kasih sayang dan tempat ia bermanja. Inilah satu perasaan semula jadi yang tertanam di jiwa setiap kanak-kanak dari sejak kecil.

Dengan itu ibu-ibu Islam adalah mempunyai tugas yang maha besar; di atas pundaknyalah terpikul kewajipan membentuk generasi angkatan baru yang sihat lagi mempunyai keperibadian yang tinggi dan lengkap dengan pendidikan rohani yang berunsur keislaman. Maka sebelum dari seseorang ibu itu menjalankan tugasnya di lapangan pendidikan, terlebih dahulu peribadinya hendaklah dilengkapi dengan sifat-sifat mulia dan semangat keislaman yang tulen, sehingga sifat-sifat mulia itu akan menjadi contoh tauladan serta melimpah ke dalam jiwa anak-anak yang di bawah

Alam Wanita . . .

asuhan dan pendidikannya itu.

Seperti kata pepatah: “Ibarat kuah tumpah ke nasi.”

Anak-anak Mesti Diawasi:

Kita jangan lekas terburu nafsu dan lantas menyalahkan pemuda-pemudi yang kononnya akan menjadi “harapan bangsa” dan “tiang negara”, bila mana didapati perbuatan-perbuatan yang mereka lakukan itu menjolok mata dan moral mereka itu terlalu rendah. Kesemua kesalahan-kesalahan ini janganlah kepada mereka sahaja dilemparkan, tetapi kita harus ingat bahawa keruntuhan akhlak dan kerendahan moral pemuda-pemudi kita itu tidak akan berlaku seandainya di pihak ibu bapa dan para pendidik mengawasi gerak-geri mereka yang curang itu serta memberikan pimpinan yang sewajarnya terhadap mereka. Selain dari itu pimpinan daripada masyarakat juga sangat diperlukan, sama ada masyarakat itu kecil mahupun besar. Jika pimpinan itu datang dari masyarakat kecil (masyarakat rumah tangga), maka hendaklah diawasi kedudukan dan gerak langkah yang dilakukan oleh anak-anak muda itu, agar supaya mereka tetap berpegang teguh dengan keluhuran semangat Islam yang telah mengawasi jiwa raga mereka dari sejak kecil.

Jika ada orang yang mengatakan bahawa pada zaman ini kita tak perlu bimbang dan tak usah khuatir dengan pendidikan anak-anak kita, kerana pada hari ini — (setelah negara kita menjadi sebuah negara yang merdeka

dan berdaulat serta Islam telah dijadikan agama rasmi negara — P.), di sekolah-sekolah kebangsaan telah diadakan mata pelajaran agama Islam, tetapi ini adakah memada dan bolehkah diharapkan untuk menjaga anak-anak itu menyeleweng daripada akidah kepercayaan Islam yang dianutinya itu?. Kerana sepanjang yang kita ketahui murid-murid yang mengambil mata pelajaran agama yang cetek di sekolah-sekolah kebangsaan itu, harus hanya untuk lulus peperiksaan sahaja ataupun kerana takut kepada guru-guru mereka yang tidak dapat menguasai jiwa mereka di lapangan pendidikan agama yang lebih berkesan dan boleh menimbulkan kesan yang mendalam di jiwa murid-murid itu.

Tindak-tanduk Masyarakat:

Oleh itu tidaklah menjadi hairan, kalau kita saksikan pada hari ini pemuda-pemudi kita angkatan baharu yang diada-ada mereka kosong dari pelajaran-pelajaran agama tidak mempunyai semangat keislaman yang tulen sejati yang mana akibatnya mereka sangat mudah terpedaya oleh tindak-tanduk masyarakat yang penuh dengan tipu daya membawa kepada kesesatan dan membawa kepada kejatuhan moral. Tetapi jika jiwa mereka telah diasah dan ditanamkan dengan pengajaran-pengajaran Islam yang tulen sejati dari sejak kecil, maka kita berkeyakinan yang mereka akan terselamat dari terjerumus ke dalam gaung tipu daya dunia yang menuju ke jurang kecelakaan.

Maka untuk menjaga keselamatan anak-anak Islam sebagai warganegara bagi sebuah negeri yang telah merdeka dan berdaulat dan seterusnya mereka inilah kelak bakal diserahkan

memegang tampuk jawatan tertinggi dalam negara kita yang telah merasmikan “Islam” sebagai ugama negara yang tunggal, maka dari sekarang amatlah perlu anak-anak itu dipupuk dan disirami jiwanya dengan semangat keislaman yang tulen sejati hingga dapat mereka menguasai diri ke arah budi pekerti yang tinggi mulia serta hormat dan patut kepada tata-susila keperibadian Islam. Untuk membentuk jiwa dan mendidik peribadi anak-anak sehingga mereka menjadi pemuda-pemudi Islam yang benar-benar mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap agama, bangsa dan negaranya di masa yang akan datang kelak, terpulanglah tugas ini kepada ibu-ibu Muslimah yang berjiwa keislaman.

Peranan Seorang Ibu:

Ibu adalah merupakan sebuah sekolah tempat pendidikan jiwa dan tempat membentuk peribadi kanak-kanak ke arah kesempurnaan akhlak dan budi pekerti yang tinggi mulia, oleh itu ibu-ibu seharusnya membentuk jiwa dan peribadi anak-anak mereka mengikut sistem-sistem pendidikan moden yang sesuai dan tidak bertentangan dengan sistem-sistem pendidikan Islam yang sumbernya diambil daripada pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam al-Qur’ān dan al-ḥadīth.

Peranan seseorang ibu dalam masyarakat adalah besar dan tanggungjawabnya terhadap soal pendidikan adalah berat, terutama masyarakat di hari ini yang sedang berlumba-lumba mengejar kemajuan untuk ingin mencapai kedudukan taraf hidup yang seimbang dengan masyarakat lain-lain bangsa di seluruh dunia

Alam Wanita . . .

internasional. Oleh itu awasilah wahai ibu-ibu dalam usaha mendidik generasi yang akan datang supaya mereka menjadi anggota masyarakat yang benar-benar sanggup memikul tanggungjawab agama, bangsa dan nusa.

Ibu-ibu Islam Jangan Lalai:

Ibu-ibu Islam janganlah lalai dan hanya suka berfoya-foya menghabiskan masa dan wang ringgit dengan menghiasi diri dengan alat solek moden dan fesyen-fesyen pakaian yang beraneka ragam, fesyen-fesyen pakaian yang menjolok mata dan tidak sesuai dengan keperibadian seseorang wanita Islam, yang mana pada akhirnya mereka hanya dijadikan perhiasan atau alat untuk menyerikan sesuatu majlis atau pesta-pesta keramaian yang diadakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab menjaga kehormatan kaum wanita yang sebangsa, seagama dan setanah air dengan mereka dari segi moral dan akhlak.

Ibu-ibu Islam janganlah sampai terlalai daripada tugas-tugas yang lebih penting terhadap masyarakat bangsanya yang sedang mulai hanyut dibawa oleh arus kebudayaan Barat yang sedang mempengaruhi segenap jiwa pemuda-pemudi Islam hari ini. Kalau kaum wanita telah runtuh moral akhlaknya, bagaimanakah masyarakat boleh meletakkan kepercayaan kepada mereka untuk mendidik anak-anak yang bakal menjadi anggota masyarakat yang diharapkan mereka menjadi “harapan bangsa” di masa yang akan datang? Logiknya tentulah mustahil!

Kalau begini cuai sekali ibu-ibu

Islam dari menjaga kehormatan dirinya, maka barang sudah tentu anak-anak yang di bawah pemeliharaannya kelak akan meniru-niru segala gerak-geri dan perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh orang-orang yang mengasuh dan memeliharanya dari sejak kecil. Manakala anak-anak itu sudah besar meningkat ke umur remaja, amatlah sukar sekali hendak dilentur kembali, sekalipun mereka lebih banyak bergaul dengan teman-teman yang mempunyai peribadi yang luhur dan budi pekerti yang tinggi mulia ataupun mereka dipaksa mengikut pelajaran-pelajaran agama Islam dalam sekolah-sekolah kebangsaan tempat mereka belajar, namun begitu belumlah boleh dapat dijamin bahawa perangai dan akhlak kanak-kanak yang telah rosak itu dapat diperbaiki kembali.

Keruntuhan Moral:

Anak-anak yang telah rosak akhlak dan budi pekertinya, di kala mereka besar kelak sudah tentu akan merugikan masyarakat, terutama apabila mereka diberi tugas memegang satu-satu jawatan tinggi dan urusan negara, sudah tentu mereka tidak akan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan masyarakat asal datuk nenek mereka yang berpegang teguh dengan hukum-hukum agama dan adat istiadat Timur yang telah mereka pusakai dari sejak zaman-berzaman.

Lantaran anak-anak itu mempunyai kelulusan tinggi dengan mendapat pendidik cara Barat dari sejak kecil, maka sudah tentu mereka malu dan kekok bergaul dengan masyarakat bangsa mereka sendiri yang mereka pandang kolot dan tidak berkemajuan itu. Perasaan ini dengan sendirinya datang mempengaruhi jiwa mereka,

lantaran mereka malu dan segan kepada kawan-kawan mereka yang berkelulusan tinggi dari universiti-universiti Barat yang akan mengecap mereka sebagai pemuda-pemudi kolot, tidak kenal kepada botol arak, tidak tahu peleseran berganding bahu dengan “*girlfriend*” atau “*boyfriend*” di tempat-tempat yang sunyi memadu asmara berdua-duaan. Kalau perbuatan-perbuatan *munkar* yang melanggar batasan hukum-hukum agama ini tidak mereka lakukan, maka mereka akan merasa kekok dan tidak mendapat tempat untuk bergaul di dalam satu masyarakat zaman baru yang dinamakan “masyarakat moden” itu, kalau ini semua tidak mereka lakukan dengan cara bebas, mereka akan dicap oleh kawan-kawan sepergaulan dengannya sebagai pemuda-pemudi kolot yang ketinggalan zaman.

Bilamana keruntuhan moral telah menjalar masuk ke dalam jiwa dan urat saraf seseorang manusia, maka segala perbuatan jahat, tipu daya, pemeras dan rasuah atau dengan apa jalan sahaja untuk mencapai maksud dan cita-citanya yang buruk itu akan dilakukannya dengan sewenang-wenangnya. Di kala itu kehormatan diri, kemurnian akhlak dan budi pekerti sudah tidak dipandanginya lagi, lantaran ajaran-ajaran agama sebagai benteng untuk menjaga dirinya daripada perbuatan-perbuatan yang melanggar batasan perikemanusiaan itu tidak ada tertanam di hati nuraninya.

Cara-cara Menyingkirkannya:

Untuk menyingkirkan perkara-perkara yang tidak diinginkan ini, maka setiap ibu Islam mestilah bertanggungjawab di lapangan pendidikan bagi membina satu generasi Islam yang mempunyai

Alam Wanita . . .

akhlak dan budi pekerti yang tinggi mulia bersesuaian dengan kehendak-kehendak Islam yang ingin melihat seluruh kaum Muslimin membentuk sebuah masyarakat Islam yang maju dan bersih dari segala perbuatan-perbuatan *munkar* yang bersesuaian dengan konsep dan dasar kedaulatan negara Islam yang telah pernah dibentuk oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan sekalian para sahabatnya pada zaman kebangkitan Islam 13 abad yang lampau.

Awasilah yang mana kaca dan yang mana permata, janganlah sebab takut dikatakan orang “wanita kolot” sehingga sanggup kita menempuhi

jalan yang membawa kita ke jurang keruntuhan moral dan akhlak, iaitu jalan yang akan menjerumuskan kita ke jurang kecelakaan hidup dunia dan akhirat. Setiap ibu Muslimah mestilah pandai menjaga kehormatan diri, pandai menyesuaikan zaman dengan ketinggian moral dan budi pekerti mengikut saluran-saluran ilmu pengetahuan moden yang tidak bertentangan dengan dasar dan konsep yang dibawa oleh Islam.

Wanita-wanita Islam pada hari ini, keadaan mereka hampir-hampir menyerupai air bajir yang turun dari bukit dengan begitu deras melanda dan melanggar segala empangan dan sekatan yang menjadi benteng untuk menahan perjalanan air itu tercebur masuk

ke dalam jurang yang dalam.

Yang paling aneh sekali ada pula segolongan “kaum lelaki” yang memberikan sanjungan penuh terhadap “kaum wanita” yang telah runtuh moral dan akhlaknya dengan menamakan mereka itu “pelacur kehormat”. Padahal kalau kita fikirkan dengan akal yang waras, kalau seseorang wanita itu sudah sanggup menjual maruah kehormatannya menjadi seorang manusia yang dinamakan “pelacur”, di manakah ada lagi kehormatan yang telah dijualnya itu?

Ingatlah! . . . Kemajuan sesuatu bangsa itu bukanlah hanya setakat maju dari segi material sahaja, malahan kemajuan yang sebenarnya ialah kemajuan-kemajuan yang berdasarkan rohani dan ketinggian moral.

Buku Bahasa Arab *Al-Nūr al-Jadīd*

Untuk peringkat L.C.E-S.R.P

Oleh al-Ustādh Ramli al-Haji Ismail Abdullah

Pensyarah Bahasa Arab Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya.

Pertama kali diterbitkan di Malaysia — lengkap mengandungi:

Kaedah-kaedah nahu Arab, ujian-ujian, contoh-contoh jawapan, contoh-contoh karangan dan surat-surat kiriman, contoh-contoh soalan peperiksaan.

Bidang 6 ½ X 9 ½ kertas baik tebal 320 muka sebuah \$8.00.

(Tambahan belanja *post* biasa 50 sen atau pos berdaftar \$1.20 tiap-tiap sebuah).

Silalah berhubung dengan pengarangnya:

Ustaz Ramli Haji Ismail

No. 11, Jalan 10/6A,

Petaling Jaya — Selangor.